



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN SYARIKAT BAGI TAHUN TAKSIRAN 2016 BOLEH DIISI SECARA E-FILING MULAI 1 APRIL 2016

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa pembayar cukai syarikat boleh mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) Tahun Taksiran 2016 melalui e-Filing bagi Borang C mulai 1 April 2016.

Mengikut Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967, tarikh akhir pengemukakan Borang C melalui e-Filing ialah pada hari terakhir bulan yang ketujuh selepas tarikh tutup tempoh perakaunan syarikat. Kegagalan syarikat untuk mengemukakan Borang C tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan boleh dikenakan penalti lewat kemukakan borang di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967 iaitu sehingga tiga kali ganda amaun cukai dikenakan.

Bagi syarikat yang baru pertama kali ingin mengemukakan Borang C secara e-Filing, pengarah syarikat atau individu yang diberi kuasa di bawah seksyen 75 ACP 1967 perlu hadir sendiri ke kaunter perkhidmatan LHDNM yang berhampiran bagi memperoleh Nombor PIN Organisasi. Sila bawa bersama:

- i. Kad pengenalan atau pasport,
- ii. Borang 49 Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- iii. Borang Permohonan Nombor PIN Organisasi (Borang CP55B) yang telah dilengkapi; dan
- iv. Surat lantikan jika borang CP55B ditandatangani oleh individu selain pengarah syarikat

Sekiranya pihak syarikat melantik mana-mana wakil untuk memohon Nombor PIN Organisasi, sila bawa bersama-sama kebenaran bertulis menggunakan kepala surat syarikat di samping dokumen-dokumen lain yang diperlukan seperti di atas.

Untuk maklumat lanjut sila layari portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan di talian 1-800-88-5436.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

Masrun Bin Maslim | Customer Care Officer (Media)

Bahagian Komunikasi Korporat & Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat |

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

03-8313 8888 samb. 21326 / 21371 | 📞 : 03-8313 7836

Pusat Panggilan : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh : 31 Mac 2016